



TEKS UCAPAN
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
TAHUN 2025

oleh

YS PKPjB WAN MD RAZALI BIN WAN ISMAIL
PENGARAH JBPM NEGERI SELANGOR

3 September 2025 (Rabu)

7:30 malam

Hotel Wyndham Acmar

Bismillahirrahmanirrahim...

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Berprestasi Tinggi Cepat dan Mesra

Salam Malaysia Madani

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang berusaha

Penguasa Kanan Bomba I

Ahmad Mukhlis bin Mukhtar

Penolong Pengarah

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri
Selangor

Merangkap **Setiausaha PERSKEB Selangor**

Penolong-penolong Pengarah Bahagian

Ketua-ketua Zon

Ketua-ketua Balai

Ahli Jawatankuasa PERSKEB SELANGOR

Wakil-wakil PERISMA Selangor

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan

Tuan-tuan puan puan

Dan semua yang diraikan pada malam yang cukup
berbahagia ini

1. Alhamdulillah bersyukur kepada Allah Tuhan Sekalian Alam kerana dengan limpah kurniaNya, kita semua dapat berhimpun pada malam ini bagi sama-sama meraikan

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI

SELANGOR TAHUN 2025

2. Majlis ini merupakan satu majlis yang diadakan khas bagi meraikan insan-insan yang telah memberikan kejayaan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor.

Tuan-tuan dan puan-puan

3. Walaupun 2025 belum melabuhkan tirai, namun beberapa kejayaan telah kita kecap tidak kira diperingkat jabatan mahupun diluar.

4. Pelbagai kecemerlangan telah kita tunjukkan antaranya dalam :

a. **Sukan Bomba dan Pahang**

b. National Firefighter Drill di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur

c. Kejohanan Rugby Piala Ketua Pengarah

TIDAK DILUPAKAN KEPADA ATLET-ATLET YANG TELAH MELAKAR
NAMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

a. Dan beberapa lagi acara.

5. Malam ini, kita meraikan semua kejayaan ini dengan memberikan penghargaan kepada mereka yang telah mengharumkan nama negeri Selangor. Penghargaan ini sebagai tanda terima kasih atas segala perjuangan demi memastikan nama Bomba Selangor mekar di setiap arena pertandingan.

6. Melihat kepada kejayaan-kejayaan ini, besarlah harapan saya agar pada tahun hadapan, kita akan menempa lebih banyak kejayaan demi kejayaan tidak kira di peringkat jabatan, Kementerian mahupun luar negara.

7. Salah satu lafaz azan adalah, “Marilah Menuju Kejayaan”, maka marilah Bersama-samalah kita semua berusaha dan

mengembleng tenaga bermula dari sekarang untuk melakar lebih banyak pencapaian kelak.

8. Saya percaya, orang yang berusaha dengan gigih, pasti akan mendapat hasil yang lumayan sebagaimana kata peribahasa kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
9. Namun, diingatkan juga, kita tidak boleh selesa dengan kejayaan yang telah kita perolehi ini. Tahun 2025 masih lagi belum berakhir.
10. Hari ini dan esok, dua buah kumpulan KIK akan berentap di Pertandingan KIK Peringkat KPKT.
11. Manakala, pasukan Kadet Bomba Negeri Selangor pula dalam persiapan menuju ke Perkhemahan Kadet Bomba Peringkat Kebangsaan.
12. Besarlah harapan saya, semua pasukan ini akan pulang dengan penuh kejayaan.

13. Tidak dilupakan juga, pasukan-pasukan yang akan bertanding dalam Anugerah Inovasi Menteri serta KIK Peringkat Jabatan kelak. Semoga beroleh kejayaan.

Hadirin yang dimuliakan,

14. Orang lama ada menyebut, disebalik kejayaan seorang lelaki, ada Wanita yang menjadi penguatnya. Pada malam ini juga, majlis kita dimeriahkan dengan kehadiran Persatuan Suri dan Anggota Wanita Bomba dan Penyelamat Malaysia (PERISMA Negeri Selangor)
15. Tahniah juga saya ucapkan kepada PERISMA Negeri Selangor yang telah dinobatkan sebagai **PERISMA PALING AKTIF** sewaktu Mesyuarat Agong PERISMA baru-baru ini.
16. Sesungguhnya, besarlah pengorbanan para suri yang terpaksa menjadi ketua keluarga tatkala suaminya sedang berkhidmat untuk Masyarakat dan negara.

17. Mewakili seluruh warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli-ahli PERISMA Selangor yang memahami setiap tugas dan Amanah para suami.
18. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak urusetia yang telah bertungkus lumus dalam menjayakan majlis yang cukup indah pada malam ini.
19. Tanpa mereka-mereka yang telah bertungkus lumus ini, sudah pasti majlis kita pada malam ini tidak akan dapat berjalan dengan lancar. Terima kasih semua pihak samada secara langsung mahupun tidak menyumbang kepada kejayaan majlis pada hari ini.
20. Menutup tirai ucapan, saya ingin menyeru semua warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor untuk Bersama-sama berganding bahu melipat

gandakan usaha dalam memastikan setiap perancangan
pada tahun 2025 berjalan dengan lancar.

Walau sedikit sayur keladi,
Tetaplah dayang dapat merasa;
Walau sedikit dihulur budi,
Tetaplah dikenang sepanjang masa.

Banyak padi bernama padi,
Padi Malinja dicari orang;
Banyak budi bernama budi,
Budi bahasa dicari orang.

21. Akhir kalam, terima kasih sekali lagi kepada semua
tetamu yang hadir ke majlis pada malam ini.

Sekian, terima kasih